

SETIAUSAHA sebagai pemudah cara urusan bos. - Gambar hiasan

Setiausaha perlu cekal

Cantik dan bijak seiring

Oleh SITI AISHAH YUSOFF

IMEJ setiausaha sekadar penyeri pejabat sudah tidak relevan, sebaliknya kerjaya tersebut telah jauh ke depan sebagaimana profesi profesional lain.

Kerjaya ini juga tidak lagi dipandang sebelah mata malah peranannya sama penting dalam melancarkan perjalanan urusan pejabat dan sebagai pemudah cara kepada rutin harian bos.

Tidak keterlaluan dikatakan, jika tiada golongan ini pasti bos sedikit kelam kabut dalam menguruskan urusan harian di pejabat.

Nor Syafiqah Ishak, 22, yang menyandang tugas sebagai setiausaha di Pejabat Pusat Penyelidikan Keselamatan Makanan (FOSREC), Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), menepis tanggapan sebilangan masyarakat yang masih melihat seorang setiausaha itu hanya perlu menonjolkan kecantikan dan penampilan semata-mata.

Sebaliknya, penyandang jawatan tersebut memerlukan seseorang itu lebih tangkas, cekal dan bertanggungjawab dengan profesinya.

"Setiausaha adalah orang yang paling rapat dengan bos. Mereka juga merupakan orang kepercayaan bos terutama dalam menguruskan dan memudahkan urusan dan jadual harian.

"Mereka juga bukan golongan yang kerjanya hanya duduk di depan komputer dan pandai melawa semata-mata, sebaliknya mereka yang membantu melancarkan urusan majikan setiap hari."

"Bergelar setiausaha bukanlah semudah yang dianggap oleh sebilangan orang luar kerana kami perlu bersedia setiap masa apabila berhadapan dengan tugas yang diberikan."

"Pada masa yang sama kami juga perlu kreatif apabila menangani masalah yang memerlukan penyelesaian dengan segera. Setiausaha juga perlu ada ketangkasan dalam mengendalikan serta menyusun jadual dan keperluan bos," katanya.

Nor Syafiqah yang sudah berkhidmat selama empat tahun sebagai setiausaha kepada dua bos wanita di UPM, pengalamannya yang diraih ternyata sangat menarik untuk diingati.

"Pengalaman ini banyak memberi

peluang untuk saya belajar dan mengenali personaliti kedua-dua bos tersebut. Saya berkhidmat hampir tiga tahun dengan bos pertama sebelum beliau jatuh sakit.

"Sekarang saya bekerja dengan bos kedua. Pengalaman mengurus dan memudahkan kerja-kerja kedua-dua bos ini berbeza kerana setiap daripada mereka mempunyai personaliti serta pendekatan berbeza yang dipraktikkan semasa bekerja.

"Sebagai pekerja yang akan berkerjasama rapat dengan mereka, biasanya saya terlebih dahulu akan belajar mengenali personaliti mereka kemudian baharu saya akan cuba serap dan ikut rentak mereka sedikit demi sedikit.

"Persediaan mental, fizikal dan emosi juga memainkan peranan penting bagi memastikan tugas yang diberikan dapat dilaksanakan dengan baik."

"Pada masa yang sama, setiausaha juga tidak boleh bergantung harap dengan orang di sekelilingnya terutamanya dalam urusan pekerjaan.

"Contohnya, saya juga beberapa kali pernah secara 'bidan terjun' menjadi pemandu bos terutama apabila pemandu tetapnya ada kes kecemasan mahupun bercuti," katanya yang sangat mementingkan penampilan diri.

Menurut Nor Syafiqah, setiap pakaian yang disarung ketika melangkah ke pejabat mesti kemas dan menarik pada pandangan orang sekeliling.

Ini kerana katanya, setiausaha adalah pendamping 'bos' yang kadangkala memerlukan dia berjumpa dengan orang ramai.

"Personaliti tersebut akan turut memberi impak kepada imej bos yang bekerja dengan kita. Bayangkan jika pakaian kita nampak selekeh, sebaliknya pakaian bos nampak kemas dan cantik, pasti timbul persepsi yang tidak enak."

"Bagaimanapun, pakaian yang di pakai, saya pastikan masih terjaga batasan dan tidak keterlaluan pada pandangan mata," katanya.

Sementara itu, **Siti Roszatulakmar Mohd. Ros**, 28, yang kini bertugas sebagai setiausaha di Jabatan Pengairan dan Saliran, mengakui pengalaman

bergelar setiausaha selama lapan tahun di pelbagai agensi kerajaan dan swasta mematangkan dirinya dalam berurusan dengan bos.

"Setiap hari kita akan berhadapan dengan bos. Dalam tempoh itu juga kita perlu menguruskan segala keperluan dan kehendaknya bagi melancarkan tugasan.

"Saya berpengalaman menguruskan bos wanita dan lelaki yang kedua-duanya mempunyai personaliti berbeza. Setiap bos memberi cabaran kepada saya untuk menguruskan keperluan dan urusan harian mereka."

"Ada antara mereka mudah diurus, ada pula rumit dan adakah yang terpaksa memendam perasaan jika ada perkara yang mereka lakukan melukakan perasaan."

"Ini semua saya telan dan biarkan ia reda sendiri. Sebagai pekerja yang paling rapat dengan bos, saya perlu profesional ketika berurusan dengan mereka. Ketepikan emosi tersebut dan jalankan tugas seperti biasa," katanya.

Siti Roszatulakmar mengakui, stigma dan pandangan buruk sesetengah masyarakat terhadap kerjaya setiausaha masih sama.

Namun baginya, sejauh mana ia betul atau tidak, bergantung kepada cara penampilan dan pembawaan diri setiausaha tersebut ketika bekerja dan berurusan dengan bos.

"Bagi setiausaha yang bekerja di badan berkunun mungkin mereka masih terkawal

Bergelar setiausaha bukanlah semudah yang dianggap oleh sebilangan orang luar, kerana kami perlu bersedia setiap masa apabila berhadapan dengan tugas yang diberikan

daripada aspek penampilan seperti pemakaian yang masih ada batasan. Situasi ini mungkin sedikit berbeza bagi setiausaha yang bekerja di syarikat swasta yang lebih terbuka dari aspek pemakaian yang lebih menonjol.

"Dalam situasi ini juga, bukan semua setiausaha boleh dilabel sebagai pengoda atau seksi tidak kira sama ada bekerja di sektor kerajaan ataupun swasta."

"Ia berbalik juga kepada individu tersebut, tentang bagaimana cara dia memperkenalkan dirinya di khalayak ramai. Namun, tidak dinafikan penampilan setiausaha juga memberi impak kepada imej bos dan syarikat kerana mereka adalah orang terdekat dengan bos dan berurusan dengan ramai orang," katanya.

Bagi Siti Roszatulakmar, untuk menjadi setiausaha bukan sahaja memerlukan individu tersebut pandai menyimpan rahsia, malah mereka juga perlu wujudkan persefahaman yang kuat antara majikan bagi memudahkan urusan di tempat kerja.



NOR SYAFIQAH ISHAK



SITI
ROSZATULAKMAR
MOHD. ROS